KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10.03.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

Usahakan tanaman kontan kawasan TNB

Aktiviti penggunaan tanah, termasuk pertanian khususnya tanaman kontan, boleh diusahakan di kawasan terletak dalam koridor talian pembekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata sebarang aktiviti pertanian atau kegunaan tanah bagaimanapun perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah, selain memenuhi syarat ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST) berdasarkan garis panduan Izinlalu Talian Pembekalan Elektrik.

Beliau menjelaskan, tiada istilah tanah rizab TNB, sebaliknya hanya tanah yang terletak dalam laluan talian pembekalan elektrik yang mempunyai perjanjian izinlalu yang masih dimiliki pemilik tanah dan TNB cuma pemegang lesen untuk memasang atau menyelenggara talian bekalan elektrik.

"Individu yang berminat untuk mengusahakan tanah itu perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah, iaitu pihak berkuasa negeri bagi tanah milik kerajaan negeri dan sekiranya tanah itu milik persendirian, perlu mendapatkan kebenaran pemilik melalui sewaan atau pajakan.

"Kebenaran daripada TNB juga diperlukan sebagai pemegang lesen bagi memastikan garis panduan yang ditetapkan ST itu dipatuhi," katanya menjawab soalan Chang Lih Kang (PH-Tanjong Malim) di Dewan Rakyat, semalam.

Sebagai contoh, Takiyuddin berkata, garis panduan ST menyatakan tanaman yang diusahakan mesti mempunyai ketinggian tumbesaran semula jadi tidak melebihi 1.8 meter atas faktor keselamatan.

Beliau berkata, antara aktiviti lain yang boleh diusahakan di kawasan tanah terbabit ialah dijadikan padang ragut ternakan, kawasan kolam tadahan, kolam udang, kawasan parkir kereta serta untuk pemasangan paip air. BERNAMA